

# RM618,000 gaji Ronaldinho

SELASA 4/9/18 BERITA HARIAN, M/S 78

➔ Bayaran kepada bekas bintang Brazil jika beraksi di Liga M

Oleh Syafiq Aznan  
syafiq.aznan@nstp.com.my

## ► Kuala Lumpur

**A**SS\$150,000 atau RM618,000 sebulan. Itu bayaran yang dilihat mampu 'menarik' bekas pemain terbaik dunia, Ronaldinho untuk kembali beraksi secara kompetitif selepas mula menggantung but, Januari lalu.

Menurut sumber, jumlah terbabit disifatkan berpatutan dengan reputasinya sebagai pemain yang memiliki nama besar serta memiliki reputasi hebat selepas memenangi pelbagai kejuaraan di pentas bola sepak antarabangsa.

"Menerusi maklumat

yang diperoleh, saya dimaklumkan gaji untuk khidmat Ronaldinho dianggarkan AS\$150,000 sebulan (RM618,000). Saya kira ia boleh dianggap berpatutan dengan reputasinya walaupun dia sudah menghampiri usia 40 tahun.

"Jika ada pihak berminat dan boleh menawarkan gaji setinggi itu, mungkin Ronaldinho sedia untuk mempertimbangkan tawaran itu dan kembali beraksi secara kompetitif.

## Permintaan gaji terlalu tinggi

"Namun, berkemungkinan permintaan gaji yang dilihat begitu tinggi itu menyebabkan sebuah pasukan yang cuba memancing khidmatnya sebelum ini terpaksa melupakan hasrat mereka untuk mendapatkan pemain itu," katanya ketika dihubungi *Sukan NSTP* semalam.

Sebelum ini, Persatuan Bolasepak Perak (PAFA) menyatakan minat secara serius untuk membawa Ronaldinho menyertai pasukan The Bos Gaurus di pentas kelayakan Liga Juara-juara Asia (ACL) pada Februari tahun depan.

Presidennya, Hasnul Zulkarnain Abdul Munaim berkata meskipun hasrat untuk membawa bekas pemain Brazil dan Barcelona itu ke negeri ini dianggap jenaka, keputusan itu tidak mustahil berikutan Ronaldinho pernah menyatakan hasrat menyertai pasukan di negara ini tanpa mengenakan sebarang bayaran.

Bagaimanapun, beliau mengesahkan mereka mungkin terpaksa melupakan khidmat mendapatkan legenda Brazil itu atas faktor kekangan kewangan.

Apapun, mereka tetap berselera besar untuk terus mendapatkan bintang import bertaraf antarabangsa apabila pasukan itu kini sedang mengintai khidmat beberapa pemain Cardiff City untuk beraksi secara pinjaman.

